

**Perkasa cabar pemimpin PKR nyata pendirian
Utusan Online
November 05, 2011**

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mencabar pemimpin tertinggi PKR iaitu Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Azmin Ali dan juga Nurul Izzah Anwar menyatakan pendirian mereka mengenai penganjuran program mempromosi seks bebas Seksualiti Merdeka.

Ketua Penerangannya, Ruslan Kasim berkata, pendirian mereka amat perlu memandangkan ketiga-tiganya merupakan pemimpin utama parti yang sentiasa mempertahankan kebebasan serta hak kegiatan seks Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Selain itu, mereka perlu menyatakan pendirian masing-masing dan juga parti kerana berdasarkan maklumat yang kami peroleh, penganjuran program ini disokong kuat oleh pertubuhan Suaram (Suara Rakyat Malaysia) yang turut dianggotai oleh Naib Presiden PKR, Tian Chua dan Exco Kerajaan Negeri Selangor, Elizabeth Wong.

"Jadi penjelasan daripada mereka selaku pemimpin tertinggi parti mengenai penglibatan PKR dalam program mempromosikan seks bebas tersebut adalah perlu.

"Bagaimanapun, saya faham kalau mereka enggan memberi penjelasan dan pendirian. Ini kerana mereka khawatir akan kehilangan undi serta sokongan daripada rakyat sekiranya berbuat demikian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm